

SALWANI MD ZAIN salwani@sinarharian.com.my Foto: Ihsan UPM

# Manfaatkan peluang sebagai mahasiswa

Universiti medan mengembangkan ilmu

**K**elab dan persatuan adalah satu landasan untuk mengukur daya kecekapan mahasiswa dalam menyeimbangkan pencapaian akademik dan pembangunan kemahiran generik seseorang mahasiswa.

Pandangan umum melihat senario mahasiswa masa kini dibahagikan kepada golongan yang terlalu obses dengan aktiviti kelab dan persatuan hingga kan semua ingin disertai, lalu berkemungkinan berdepan kesan buruk ke atas pelajaran. Malah ada juga sebilangan besar mengambil sikap berkecuali, dan ada juga yang tekun menelaah pelajaran sehingga sukar keluar bersosial, jauh sekali turut serta dalam sebarang aktiviti.

Bagi yang mengambil sikap ala kadar, mendaftar sebagai ahli biasa memadai. *Isu Kampus* minggu ini mempunyai pandangan yang berbeza, dan kalangan pemimpin persatuan ini semuanya bersetuju, penyertaan mahasiswa dalam kelab dan persatuan amat penting dan sering dimanfaatkan mahasiswa yang bijak.

Perkara yang ditekankan juga adalah menerusi penglibatan dalam persatuan, mahasiswa bukan sahaja dilatih menjadi seorang berdaya saing malahan mampu mempunyai pelbagai pengetahuan bagi melengkapkan

diri dalam pelbagai aspek termasuklah mental, fizikal, sahsiah dan kerohanian.

Universiti adalah institusi lengkap menimba ilmu, bukan sahaja akademik, malah perkara-perkara yang lebih daripada itu. Ikuti pandangan bernas, daripada wakil-wakil pemimpin juga mereka yang berjaya membuktikan penglibatan kelab dan persatuan perlu seiring dalam menuntut ilmu agar sebuah kejayaan itu benar-benar manis untuk dikecapi.



## Ke arah melahirkan graduan holistik

BERPERANAN sebagai Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Abdul Hatim Hakimi berkongsi pengalaman berbeza untuk isu ini.

Menurutnya, berdasarkan pengalaman terlibat secara aktif selama tiga tahun dalam aktiviti berpersatuan, perkara utama yang pelajari adalah *human character building*.

"Penglibatan mahasiswa secara langsung dalam aktiviti persatuan mahupun kelab mampu membentuk diri mahasiswa yang bersifat holistik yakni memenuhi semua aspek dalam pembentukan modal insan yang berkualiti juga menyumbang kepada pembangunan negara.

"Penglibatan dan komitmen mahasiswa ketika berpersatuan mampu membentuk sikap lebih berdiskusi dan matang membuat

keputusan," katanya.

Ujarnya, tidak dinafikan penglibatan aktif membawa kepada gaya hidup berbeza, namun tidak boleh dijadikan alasan kukuh mengganggu proses pengajian.

"Penglibatan aktif mahasiswa akan membentuk rutin kehidupan kampus yang berbeza berbanding rakan-rakan sekelas. Rutin kehidupan lebih sibuk, lebih teratur, jadual yang padat dan yang paling penting akan mengajarnya lebih menghargai masa," katanya.

Tambah Abdul Hatim juga, selaras anjakan pertama Pelan Pembangunan Pendidikan (Pengajian Tinggi) iaitu melahirkan graduan holistik, seimbang dan keusahawanan, mahasiswa perlu keluar daripada zon selesa dan terlibat secara aktif dalam aktiviti di luar bilik kuliah.

Fokus kepada akademik

dan pengajian tidak mampu membentuk mahasiswa seimbang, sebaliknya hanya membentuk mahasiswa cemerlang dalam akademik namun kurang nilai-nilai tambah yang menjadi asas pembentukan graduan yang holistik selari keperluan industri.



## Peluang timba pengalaman berharga

MENURUT Exco Intelektual Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM), Aaron Denison Deivasagayam terdapat pelbagai nilai tambah yang akan diperoleh oleh mahasiswa sekiranya bergiat aktif dalam persatuan.

"Antara nilai tambah penting yang akan diperoleh adalah dari segi pelbagai *soft skills* seperti pengalaman memimpin serta pengalaman menganjurkan pelbagai jenis program dan aktiviti. Dalam masa yang sama mahasiswa juga akan memperoleh pengalaman berurusan dengan pelbagai pihak atasan dan juga pihak luar yang memberikan peluang kepada mahasiswa dalam mengenali prosedur ketika berurusan dengan golongan profesional," katanya.

Menurutnya, nilai tambah ini akan memberi peluang kepada mahasiswa dalam memperoleh pengalaman mengetahui sesebuah projek atau aktiviti. Selain itu, mahasiswa juga akan didedahkan dengan pelbagai perkara yang akan melatih mereka dalam membuat keputusan kritikal serta lebih berdiskusi dalam menjalankan tugas.

"Nilai faedah ini juga akan memberi kelebihan kepada mahasiswa apabila melangkah ke alam pekerjaan. Hal ini kerana, nilai-nilai tambah merupakan satu bentuk bonus atau tambahan kerana kebanyakan majikan yang sangat berminat dan mementingkan graduan-graduan aktif berbanding pasif.

"Tambahan pula, mahasiswa-mahasiswa yang aktif ini adalah golongan yang biasanya sangat diperlukan kerana dianggap golongan yang mampu memberi sumbangan serta kelebihan kepada syarikat atau majikan," katanya.

Selain itu, mahasiswa yang aktif ini juga berkemungkinan akan dipilih universiti atau pihak luar untuk mewakili universiti atau negara ke program-program di luar negara.

"Hanya mahasiswa yang biasa aktif sahaja yang akan biasanya dipilih dan diberi keutamaan. Saya sendiri telah dipilih mewakili program pertukaran pelajar ke Korea Selatan sebanyak dua kali bagi mewakili Universiti Malaya dan juga telah terpilih di bawah Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia untuk menyertai program di Amerika Syarikat dalam mewakili negara," katanya.

Katanya, penglibatan aktif dalam kelab/persatuan sememangnya akan mengganggu perjalanan harian sekiranya mereka hanya memberikan fokus dan tumpuan penuh terhadap kelab/persatuan itu sahaja.

Selain itu, kegagalan seseorang mahasiswa dalam membahagikan masa antara akademik, kelab/persatuan serta masa lapang akan memburukkan lagi keadaan.

"Seseorang mahasiswa seharusnya bijak membahagi masa agar perjalanan kehidupan di kampus berjalan lancar walaupun bergiat aktif. Sekiranya seseorang mahasiswa mengetahui kelab/persatuan, dia seharusnya membahagikan tugas kepada ahli kumpulan dalam menjayakan sesebuah projek.

"Jika semua tugasan dilakukan seorang diri, dikhawatiri perkara tersebut berpotensi mengganggu perjalanan harian. Pembahagian masa dan tugas yang bijak sangat penting sekiranya seseorang mahasiswa memilih untuk bergiat aktif," katanya.

Berkaitan fokus dalam pengajian pula, Aaron berpendapat, Tidak dinafikan, pelajaran adalah keutamaan mahasiswa.

"Pada pendapat saya, mahasiswa perlu bergiat aktif dalam dan dalam masa sama memberi fokus kepada pengajian.

Kedua-duanya saling berkait kerana kecemerlangan dalam pengajian semata-mata tidak menjamin masa depan," katanya.

Ujarnya, pengalaman dalam menyertai pelbagai jenis kelab/persatuan akan memberi kelebihan kepada mahasiswa dalam memohon pekerjaan selepas bergraduasi. Namun begitu, seseorang seharusnya mencapai kecemerlangan dalam kedua-dua bidang akademik dan juga bidang ko-kurikulum melalui penyertaan dalam pelbagai kelab/persatuan.



## Mengembangkan bakat dan kemahiran

MELAHIRKAN pendapat yang juga menyokong kewujudan kelab dan persatuan membawa manfaat tersendiri, Pengerusi Kelab Enactus Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Aiman Ahmad berkata, setiap pertubuhan itu ada fungsi yang tersendiri.

Berbalik kepada manfaat untuk mahasiswa, Aiman berkata, penglibatan mahasiswa dalam pertubuhan memberi peluang untuk mereka menjalankan aktiviti luar daripada modul pengajian.

"Di samping itu, ia dapat mengembangkan lagi kemahiran, serta mendidik secara protokol. Penglibatan secara aktif juga dapat kelebihan untuk lebih tahu hal-hal pengurusan dari membuat perancangan, pengurusan mesyuarat, pembahagian bidang kerja, dan lain-lain yang sememangnya cukup penting sebagai bonus membezakan anda dengan orang lain," jelasnya.



Menurut Aiman juga, pakej kemahiran yang ditimba dalam persatuan juga dapat digunakan sebagai kelebihan untuk lebih dinilai majikan ketika persaingan memasuki dunia kerjaya.

Menerusi penglibatan dalam persatuan, mahasiswa bukan sahaja dilatih menjadi seorang

berdaya saing malahan mampu mempunyai pelbagai pengetahuan bagi melengkapkan diri dalam pelbagai aspek termasuklah mental, fizikal sahsiah dan kerohanian.

"Mahasiswa aktif sangat diperlukan bukan sahaja di peringkat IPT, tetapi ia sebagai ukuran kepada pelajar dalam memantapkan sahsiah yang seterusnya mampu menjadi modal insan kelas pertama," katanya.

Tambahnya, jika pengurusan masa efisien, istilah mahasiswa gagal kerana leka berpersatuan tidak akan timbul. Masing-masing perlu sedar dan tahu bahagi masa.

## Persiapan ke alam kerjaya

PENGASAS Pertubuhan Sukarelawan Siswa (Persis) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA), Muhammad Nursyazwan Zainudin menyifatkan daripada pengalaman sendiri, banyak kelebihan yang diraih daripada penyertaan di kelab mahupun persatuan.

Menurutnya, dia mula terlibat secara aktif dalam kelab dan persatuan sejak melanjutkan pengajian di tahun satu peringkat diploma lagi.

"Saya memilih untuk terlibat dalam aspek kepimpinan dan juga kesukarelawanan. Kedua-dua elemen ini penting sebagai platform menjadi pemimpin yang hebat dan semuanya bermula daripada bawah," katanya.

Menurutnya, pemimpin mahasiswa perlu didedahkan dengan aspek kesukarelawanan untuk persiapan menjadi pemimpin negara.

"Saya mengambil peluang menubuhkan Persis UniZA bersama-sama rakan bagi memberi peluang kepada mahasiswa terlibat secara aktif dalam bidang kesukarelawanan bagi memberi manfaat kepada masyarakat dalam dan luar negara.

"Pelbagai nilai tambah diperoleh apabila mahasiswa terlibat secara aktif. Mahasiswa hari ini perlu menggunakan peluang di universiti untuk membuat persiapan diri sebelum menjajackan kaki ke alam pekerjaan," katanya.

Pencapaian cemerlang mahasiswa



dalam bidang akademik hari ini dilihat sebagai tiket untuk melayakkan mereka menghadiri temu duga pekerjaan.

Dan selebihnya graduan akan dinilai dari aspek kemahiran insaniah dan lain-lain. Hari ini berapa ramai yang mampu mencapai keputusan yang cemerlang di dalam

bidang akademik tetapi tidak mampu berkomunikasi dengan baik semasa ditemu duga.

Kemahiran-kemahiran ini mampu kita pelajari apabila kita terlibat secara aktif di dalam kelab dan persatuan.

"Sepanjang aktif dalam bidang kepimpinan dan kesukarelawanan saya banyak belajar soal kemahiran berkomunikasi. Malah saya diberi peluang berinteraksi dan secara terus bersama dengan pemimpin-pemimpin negara dan juga jawatan kedudukan tertinggi dalam badan kerajaan dan swasta selain kalangan masyarakat," katanya.

Tambah Nursyazwan, selain kemahiran berkomunikasi, dia juga banyak mempelajari soal pentadbiran dan pengurusan organisasi.

"Sebagai contoh ketika saya menganjurkan Program *Global Social Responsibilities III* Misi Kemanusiaan ke Bumi Islam Kemboja dan Vietnam 2013 dan bertindak sebagai Pengarah Program. Banyak ilmu pentadbiran dan pengurusan dipelajari," katanya.